



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 14 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	TIGA LADANG BABI DI KAMPUNG SELAMAT DISAHKAN POSITIF ASF, LOKAL, HARIAN METERO – 5 AFRICAN SWINE FEVER DETECTED AT THREE PIG FARMS, NATIONAL, THE SUN – 4	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	AGROBANK TIDAK 'KEJAR UNTUNG', NIAGA, KOSMO – 30	AGROBANK
4.	PESAWAH BIMBANG FENOMENA TASIK BUKIT MERAH KERING BERULANG, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2025	HARIAN METRO	LOKAL	5

Tiga ladang babi di Kampung Selamat disahkan positif ASF

Tasek Gelugor: Tiga ladang ternakan babi di Kampung Selamat di sini disahkan positif penyakit Demam Babi Afrika (ASF) berdasarkan keputusan ujian makmal oleh Makmal Veterinar Zon Utara.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata dua ladang menunjukkan kadar kematian ternakan yang tinggi dan menimbulkan kebim-

bangsan terhadap potensi penularan penyakit tersebut ke ladang lain di kawasan berdekatan.

"Pasukan kami telah turun ke ladang babi di kawasan Kampung Selamat sejak semalam bagi menjalankan pemeriksaan dan tindakan kawalan serta pemantauan rapi oleh JPVPP bagi memastikan penularan ASF dapat dibendung dengan segera dan berkesan.

"Setakat ini, dua ladang

yang mencatat kematian dalam 50 ekor dan banyak yang menunjukkan simptom ASF. Terdapat 63 ladang babi melibatkan 120,000 ekor di kawasan Kampung Selamat," katanya, kelmarin.

Sebagai langkah kawalan penyakit, beliau berkata JPVPP sudah mengeluarkan Notis Sekatan dan Larangan Pemindahan Binatang di bawah Seksyen 18, Akta Binatang 1953 (Akta 647) kepada la-

"Terdapat 63 ladang babi melibatkan 120,000 ekor di kawasan Kampung Selamat"

**Pengarah JPVPP
Dr Saira Banu
Mohamed Rejab**

dang-ladang yang disahkan dijangkiti dan arahan sekatan pemindahan babi mengikut rumah sembelih yang ditetapkan, bagi mengelakkan risiko penyebaran penyakit ke kawasan atau daerah lain.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2025	THE SUN	NATIONAL	4

African swine fever detected at three pig farms

TASEK GELUGOR: The Penang Veterinary Services Department has confirmed that three pig farms in Kampung Selamat have been affected by African Swine Fever (ASF), based on laboratory results from the Northern Zone Veterinary Laboratory.

Department director Dr Saira Banu Mohamed Rejab said two of the three affected farms had reported high mortality rates among the livestock, raising concerns about the possible spread of the disease to neighbouring farms.

"Our team has been on the ground at the pig farms in Kampung Selamat since yesterday to conduct checks, as well as implement control and close monitoring measures to ensure the ASF outbreak can be contained swiftly and effectively. So far, two of the farms have reported the deaths

of 50 pigs, with many more showing ASF symptoms. There are 63 pig farms involving about 120,000 pigs in the Kampung Selamat area," she said in a statement on Saturday.

As a disease control measure, she said the department has issued a Notice of Restriction and Prohibition of Animal Movement under Section 18 of the Animals Act 1953 (Act 647) to the infected farms and imposed movement restrictions on pigs to only designated abattoirs to prevent the risk of spreading the disease to other areas or districts.

Saira Banu said the department is sampling pigs showing clinical signs at nearby farms for early detection, enhancing biosecurity monitoring and advising all farmers to report any

unusual livestock deaths promptly.

She stressed that ASF is not contagious to humans but significantly impacts the pig farming industry, particularly in terms of animal movement restrictions and economic losses for farmers.

"The department advises all pig farmers to strengthen biosecurity measures on their farms, including preventing outsiders or unsanitised vehicles from entering their premises. In addition, any sudden deaths or signs of disease among pigs should be immediately reported to the department," she said.

She added that further information or inquiries can be directed to the North Seberang Perai District Veterinary Services Office or directly to the department. – Bernama

Agrobank tidak 'kejar' untung

SEMBANG KORPORAT

MELALUI mandat yang diberikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM), Agrobank terus membuat perancangan rapi dan aktif dalam inisiatifnya untuk meningkatkan kesedaran tentang penggunaan teknologi perbankan digital kepada masyarakat luar bandar termasuk golongan petani, pesawah, penternak untuk memperkasa golongan petani.

Ia bukan kerja yang boleh dilihat hasilnya dalam tempoh singkat tetapi Agrobank melaksanakannya secara berterusan tanpa jemu dan lelah, meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran ekoran penerimaan serta pengetahuan masyarakat luar bandar tentang perbankan digital agak rendah.

Kini, Agrobank dilihat menjadi antara bank tempatan yang lebih ke hadapan, aktif, komited untuk memastikan misi tersebut dicapai sekali gus memacu pembangunan ekonomi luar bandar dan memastikan tiada komuniti terdicir dalam arus kemajuan negara, terutamanya dalam aspek pengigitalan.

Inisiatif bank dalam bidang tersebut terus mencatat pencapaian yang mengagumkan sehingga merekodkan pertumbuhan sehingga 200 peratus setiap tahun, membolehkan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin mahu terus menyusun strategi untuk mengukuhkan lagi segmen tersebut.

"Usaha Agrobank bukan semata-mata untuk mencari keuntungan kerana ini adalah tanggungjawab bank ke arah memodenkan perniagaan tradisional kepada perbankan digital, seiring dengan perkembangan ekonomi semasa," katanya kepada Kosmo dalam satu temubual ringkas baru-baru ini.



TENGKU AHMAD BADLI SHAH (dua dari kiri) menggunakan kod DuitNow QR dalam satu transaksi pembelian di salah satu bot terapung milik peniaga kecil di Pulau Sri Tanjung, Tumpat, Kelantan baru-baru ini.

- Catat pertumbuhan 200% dalam segmen perbankan digital
- Peruntuk RM18 juta untuk tempoh tiga tahun

KOSMO: Boleh Datuk jelaskan tentang perkembangan Agrobank untuk meningkatkan kesedaran pengetahuan masyarakat luar bandar tentang perbankan digital?

TENGKU AHMAD BADLI SHAH: Kami telah diberi mandat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) untuk meningkatkan aksesibiliti masyarakat di luar bandar khususnya golongan petani, pesawah, penternak dan yang berkaitan dengan industri berkenaan tentang manfaat perbankan digital yang dapat memudahkan urusan mereka. Banyak cawangan kami di kawasan luar bandar dan ini adalah usaha kami untuk menggerakkan usaha bagi mencapai misi berkenaan. Mereka sukar untuk datang ke cawangan, jadi kami pergi ke kawasan mereka, kami buka kaunter dan membantu mereka membuka akaun bank dan seterusnya meningkatkan pengetahuan mereka tentang perbankan digital kerana mereka boleh membeli barangan secara online di platform popular seperti Shopee.

Agrobank dilihat lebih ke

hadapan dan aktif menjalankan pelbagai aktiviti serta kempen kesedaran tentang perbankan digital, apa pendapat Datuk?

Kami telah mulakan inisiatif ini sejak dua tahun lalu kerana melalui mandat yang diberi oleh bank pusat kami perlu memenuhi kehendak masyarakat di luar bandar, mereka lebih berminat berkunjung ke cawangan bank untuk melakukan pelbagai transaksi perbankan. Jika kami mahu membuka lebih banyak cawangan ke luar bandar, ini akan meningkatkan kos bank, jadi pilihan kami adalah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang perkhidmatan perbankan digital. Jadi mereka boleh melaksanakan pelbagai transaksi di mana sahaja mereka dan pada bila-bila masa.

Bagaimana pencapaian Agrobank dalam segmen ini?

Pertumbuhannya sangat mengagumkan dan ia meningkat sebanyak 200 peratus setiap tahun dan kami sasarkan ia terus mencatat pencapaian yang baik masa depan. Kami juga mengunjurkan dalam tempoh tiga tahun akan datang, penguasaan segmen perbankan secara digital bertambah kepada 60 peratus dan bakinya adalah segmen pelanggan yang melaksanakan transaksi di kaunter



TENGKU
AHMAD
BADLI SHAH

bank secara tradisional. Mereka yang berkunjung ke kaunter bank selalunya mahu memasukkan duit di dalam akaun bank dan juga membayar bil serta transaksi yang lain. Bagaimanapun mereka sering juga berhadapan dengan masalah menunggu giliran dalam satu-satu masa yang mana ia boleh dijumpai melalui penggunaan transaksi digital. Jadi antara usaha terbaharu kami adalah menjadikan Pulau Sri Tanjung di Tumpat, Kelantan sebagai projek pembangunan komuniti berteraskan ekonomi digital. Pulau ini kebanyakannya didiami oleh nelayan dan pengusaha hasil laut telah ditransformasikan menjadi kawasan ekonomi yang menggunakan perbankan digital sebagai medium transaksi jualan dan pembelian. Tanpa wang tunai berpindah tangan, usahawan kecil di sini menggunakan kod DuitNow QR.

Berapakah peruntukan bank dalam segmen perbankan digital?

Sebanyak RM18 juta dalam tempoh tiga tahun.

Apakah cabaran yang dihadapi bank?

Ramal pelangan kami yang berumur 45 tahun ke atas dan ada juga yang sudah berusia lebih 60 tahun. Pengetahuan mereka tentang perbankan digital adalah rendah, mereka juga kurang berminat untuk menggunakan kemudahan tersebut. Jadi kami perlu meningkatkan kesedaran kepada kumpulan sasaran secara berterusan dengan cara pengunjuran kempen dan memberi penerangan dalam program yang disertai kumpulan tersebut.

Apakah antara kelebihan atau manfaat yang dimiliki oleh usahawan kecil yang menggunakan sekadar kemudahan DuitNow Qr untuk pengembangan perniagaan jangka panjang mereka?

Mereka boleh membuat permohonan pinjaman dengan Agrobank kerana melalui transaksi perbankan tersebut, pihak bank boleh melihat dan menilai untung dan rugi, hasil pendapatan serta perbelanjaan mereka. Bank boleh menilai keupayaan mereka untuk membayar pinjaman untuk masa depan. Jadi mereka tidak perlu menghantar segala dokumen penting berkaitan perniagaan mereka kepada bank untuk membuat pinjaman.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
14/7/2025	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	7

Pesawah bimbang fenomena tasik Bukit Merah kering berulang

OLEH WAT KAMAL ABAS
utusannew@mediamula.com.my

BAGAN SERAI: Paras air di Tasik Kolam Bukit Merah di sini yang menjadi sumber air utama untuk kegunaan penduduk tempatan surut berikutan cuaca panas.

Tinjau semalam mendapati paras air tasik yang turut digunakan untuk tujuan pertanian terutama sawah padi di Kerian serta kegunaan perindustrian di Taiping kini surut sehingga menampakkan tunggul-tunggul kayu di dasarnya.

Kawasan yang kering itu juga kini dianggar jauh sehingga lebih 900 meter dari pelantar nelayan darat di Kampung Selamat di sini.

Fenomena air surut di tasik itu berlaku hampir setiap kali musim panas dan kali terakhir keadaan yang sama berlaku pada Ogos tahun lalu.

Kedaaan itu membimbangkan pesawah di sekitar Bagan Serai, Alor Pongsu, Gunung Semangol dan Selinsing yang mungkin berdepan masalah kekurangan air kerana tasik tersebut merupakan sumber



KEADAAN Tasik Bukit Merah di Bagan Serai yang kering berikutan cuaca panas ketika tinjauan semalam.
- UTUSAN/WAT KAMAL ABAS

utama air untuk sawah padi.

Pesawah, Azhar Hashim, 57, berkata, paras air tasik yang semakin merosot menimbulkan kebimbangan apabila parasnya menghampiri tahap kritikal sehingga boleh menjejaskan sistem pengairan sawah padi di sini.

Beliau yang juga Timbalan Pengerusi Pertubuhan Persau-

daraan Pesawah Malaysia (Pesawah) berkata, buat masa ini bekalan air ke sawah masih disalurkan secara bergilir melibatkan sistem giliran tiga hari bagi setiap kawasan.

Namun begitu, beliau menjangkakan situasi berkenaan mungkin tidak mampu bertahan lama jika paras air tasik

terus menurun dan cuaca panas berpanjangan.

"Hujan ada turun sekejap pagi tadi sekitar pukul 5 hingga 6 pagi, tetapi belum cukup untuk mengimbangi keperluan harian tanaman padi," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* semalam.

Menurutnya, lebih membim-

bankan mengikut prosedur operasi standard (SOP), saliran air bagi sawah padi bakal dihentikan sekiranya paras air tasik terus menurun dan akan menjejaskan tanaman padi kerana ada kawasan sawah yang telah kering sepenuhnya.

Sementara itu, Ketua Unit Peladang Kawasan Parit Haji Ali Masjid Tinggi, Muslan Mohd. Napih, 50, berkata, masalah kekurangan air untuk sawah berlaku setiap kali musim kemarau dan mahu pihak berkenaan membawa isu itu ke peringkat kementerian.

"Usaha perlu dilakukan untuk mendalamkan dasar tasik dan membaiki sistem pengairan yang rosak. Ini kerana banyak pintu air saliran di kawasan terlibat berada dalam keadaan rosak, menyebabkan air yang sepatutnya digunakan untuk pengairan sawah, akhirnya mengalir sia-sia ke sungai.

"Pintu-pintu air perlu dibaiki dan dikaji semula sistem masuk dan keluar air. Apabila terlalu banyak yang rosak, air terbuang begitu saja ke sungai. Kita tidak mahu perkara sia-sia macam ini terus berlaku," ujarnya.